PRESS RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

23 NOVEMBER 2026

Wasco to Divest Engineering and Fabrication Division to NMDC Energy for RM782.2 Million

Proposed Transaction Crystallises Value Built Within the Business and Positions Wasco for Its Next Phase of Sustainable, Recurring Earnings Growth

KUALA LUMPUR, 23 November – Wasco Berhad ("Wasco" or "the Group"), together with its wholly-owned subsidiary Wasco Energy Ltd. ("WEL"), has entered into a Conditional Sale and Purchase Agreement ("SPA") with NMDC Energy PJSC ("NMDC Energy") to divest its Engineering and Fabrication Division ("EFD") for a total cash consideration of USD192.8 million (RM782.2 million), based on an enterprise value of USD210.0 million (RM851.9 million).

The proposed transaction marks a significant reshaping of the Group's portfolio, crystallising the value built within Engineering and Fabrication over many years. Pipeline Services will continue as an important part of Wasco's operations, while Wasco Greenergy, the Group's bioenergy arm, listed separately last year, continues to pursue its own growth as an independent listed entity.

EFD provides engineering, fabrication and process engineering services supporting energy infrastructure projects globally, with capabilities built up over many years. The proposed transaction encompasses Wasco's interests in Wasco Engineering Group Limited ("WEGL Group") and Wasco Process Engineering ("WPE Group"), which together form the division.

The disposal consideration of RM782.2 million implies a price-to-earnings ("P/E") multiple of 8.3 times, based on EFD's earnings for the financial year ended 31 December 2025 ("FY2025"). On an enterprise value basis, the transaction is valued at RM851.9 million, implying an enterprise value-to-earnings before interest, taxes, depreciation and amortisation ("EV/EBITDA") multiple of 5.0 times for the same period.

These implied multiples compare with Wasco's own trading EV/EBITDA and P/E multiples of 2.6 times and 3.4 times, respectively, as at the last practicable date, providing a reference point for the value of the underlying businesses within the Group.

“This transaction reflects the strength and quality of the EFD business, and provides an attractive opportunity to crystallise its value for our shareholders at a compelling valuation. It allows Wasco to redeploy capital toward opportunities that can deliver sustainable, recurring, long-term returns for the Group,” said **Gian Carlo Maccagno, Managing Director and Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad.**

Wasco intends to return a portion of the proceeds to shareholders through an indicative special dividend of 30.0 sen per share, allowing shareholders to participate directly in the value crystallised through the transaction and recognising their continued support of the Group. The balance is expected to be utilised for opportunistic mergers and acquisitions that support the Group’s shift toward a recurring, sustainable earnings profile as well as transaction costs, working capital, and general corporate purposes.

The proposed transaction is expected to result in an estimated gain on disposal of approximately RM340.3 million.

The proposed divestment follows a review of Wasco’s portfolio and capital allocation priorities. In considering the future of EFD, the Group weighed the value available through a transaction today against the potential long-term returns from retaining the business. The transaction will also provide Wasco with greater financial flexibility as the Group builds its next phase of growth around a more diversified, recurring earnings base.

Wasco intends to pursue opportunistic mergers and acquisitions that can build a recurring, sustainable earnings profile for the Group, moving away from the project-based earnings that have characterised the Group’s businesses to date. The Group will remain selective in how it deploys capital, with an emphasis on opportunities that support this shift.

Until completion, the EFD business will continue to operate in the ordinary course. Wasco will work closely with NMDC Energy through the transition to maintain continuity for the division’s employees, clients and ongoing operations.

The proposed transaction is subject to the approval of Wasco shareholders at an Extraordinary General Meeting (“EGM”) and the fulfilment of other conditions precedent under the SPA.

A circular containing further details of the proposed transaction is expected to be issued to shareholders within one month of this announcement, with the EGM to follow in due course. Subject to the fulfilment of all conditions precedent, the proposed transaction is expected to be completed by the first quarter of FY2027.

Further announcements will be made as appropriate in accordance with applicable regulatory requirements.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad is a global energy infrastructure solutions provider with operations across 11 countries. The Group's core businesses span pipeline services, engineering and fabrication services, and bioenergy solutions, supporting both conventional and transition-linked energy infrastructure developments globally.

Wasco's integrated platform combines engineering expertise, fabrication capabilities, and specialised infrastructure solutions to support the delivery of complex energy projects across multiple stages of the energy value chain.

For more information, visit www.wascoenergy.com

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).

23 NOVEMBER 2026

Wasco Melupuskan Operasi Kejuruteraan dan Fabrikasi kepada NMDC Energy Pada Harga RM782.2 Juta

Cadangan Transaksi Merealisasikan Nilai Perniagaan dan Memperkukuh Kedudukan Wasco untuk Pertumbuhan Pendapatan yang Mampan dalam Jangka Panjang

KUALA LUMPUR, 23 November – Wasco Berhad ("Wasco" atau "Kumpulan"), bersama-sama dengan anak syarikat milik penuh Wasco Energy Ltd. ("WEL"), telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat ("SPA") dengan NMDC Energy PJSC ("NMDC Energy") untuk melupuskan Operasi Kejuruteraan dan Fabrikasi ("EFD") dengan jumlah pertimbangan tunai berjumlah USD192.8 juta (RM782.2 juta), berdasarkan nilai perusahaan USD210.0 juta (RM851.9 juta).

Cadangan transaksi ini menandakan penyusunan semula yang signifikan dalam portfolio Kumpulan, sekaligus merealisasikan nilai yang telah dibina dalam operasi Kejuruteraan dan Fabrikasi sejak sekian lama. Bahagian Perkhidmatan Saduran Paip (Pipeline Services) akan terus menjadi bahagian penting dalam operasi Wasco, manakala Wasco Greenergy, cabang bioenergi Kumpulan yang disenaraikan secara berasingan pada tahun lalu, akan terus melaksanakan strategi pertumbuhannya sebagai sebuah entiti tersenarai yang bebas.

EFD menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, fabrikasi dan kejuruteraan proses bagi menyokong projek infrastruktur tenaga di peringkat global, berteraskan keupayaan yang telah dibangunkan sejak sekian lama. Cadangan transaksi ini merangkumi kepentingan Wasco dalam Wasco Engineering Group Limited ("WEGL Group") dan Wasco Process Engineering ("WPE Group"), yang secara bersama membentuk bahagian tersebut.

Pertimbangan pelupusan sebanyak RM782.2 juta mencerminkan gandaan harga kepada pendapatan ("P/E") sebanyak 8.3 kali, berdasarkan pendapatan EFD bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 ("TK2025"). Berdasarkan nilai perusahaan, transaksi ini bernilai RM851.9 juta, mencerminkan gandaan nilai perusahaan kepada pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EV/EBITDA") sebanyak 5.0 kali bagi tempoh yang sama.

Gandaan tersirat ini adalah lebih tinggi berbanding gandaan dagangan EV/EBITDA dan P/E Wasco sendiri, masing-masing sebanyak 2.6 kali dan 3.4 kali pada tarikh praktikal terakhir, sekaligus memberikan titik rujukan bagi nilai perniagaan asas dalam Kumpulan.

“Transaksi ini mencerminkan kekuatan dan kualiti perniagaan EFD, serta memberi peluang yang menarik untuk merealisasikan nilainya kepada para pemegang saham kami pada penilaian yang kukuh. Ia juga membolehkan Wasco mengagihkan semula modal kepada peluang yang berpotensi menjana pulangan mampan dan jangka panjang bagi Kumpulan,” kata **Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad, Gian Carlo Maccagno**.

Wasco berhasrat untuk mengagihkan sebahagian daripada hasil transaksi kepada para pemegang saham melalui cadangan dividen khas indikatif sebanyak 30.0 sen sesaham. Langkah ini membolehkan para pemegang saham menikmati secara langsung nilai yang direalisasikan menerusi transaksi tersebut, di samping menghargai sokongan berterusan mereka terhadap Kumpulan. Baki hasil transaksi dijangka akan digunakan bagi tujuan penggabungan dan pengambilalihan (M&A) secara oportunistik yang menyokong peralihan Kumpulan ke arah asas pendapatan yang lebih mampan dan konsisten, serta menampung kos transaksi, modal kerja dan tujuan korporat am.

Cadangan transaksi ini dijangka menghasilkan anggaran keuntungan daripada pelupusan sebanyak kira-kira RM340.3 juta.

Cadangan pelupusan ini susulan daripada kajian semula terhadap portfolio Wasco dan keutamaan peruntukan modal Kumpulan. Dalam mempertimbangkan hala tuju EFD, Kumpulan telah menilai nilai yang boleh direalisasikan menerusi transaksi pada masa ini berbanding potensi pulangan jangka panjang sekiranya perniagaan tersebut dikekalkan. Transaksi ini juga akan memberikan Wasco fleksibiliti kewangan yang lebih besar dalam melaksanakan fasa pertumbuhan seterusnya, berteraskan asas pendapatan yang lebih pelbagai, mampan dan konsisten.

Wasco berhasrat untuk meneroka peluang penggabungan dan pengambilalihan (M&A) secara oportunistik yang berpotensi membina asas pendapatan yang lebih mampan dan konsisten bagi Kumpulan, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pendapatan berasaskan projek yang selama ini menjadi ciri utama perniagaan Kumpulan. Kumpulan akan terus mengambil pendekatan yang selektif dalam peruntukan modal, dengan memberi keutamaan kepada peluang yang menyokong peralihan strategik ini.

Sehingga transaksi ini selesai, EFD akan terus beroperasi seperti biasa. WAsco akan bekerjasama rapat dengan NMDC Energy sepanjang tempoh peralihan bagi memastikan kesinambungan bagi para pekerja, pelanggan dan operasi EFD.

Cadangan transaksi ini tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham Wasco pada Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") serta pemenuhan syarat-syarat terdahulu lain di bawah SPA.

Pekeliling yang mengandungi maklumat lanjut mengenai cadangan transaksi ini dijangka akan diedarkan kepada para pemegang saham dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengumuman ini, diikuti dengan EGM yang akan diadakan pada masa yang bersesuaian. Tertakluk kepada pemenuhan semua syarat terdahulu, cadangan transaksi ini dijangka selesai pada suku pertama tahun 2027.

Pengumuman lanjut akan dibuat pada masa yang sewajarnya, tertakluk kepada dan selaras dengan keperluan kawal selia yang terpakai.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin	Natasha Brand
juliana.jamaluddin@wascoenergy.com	natasha.brand@wascoenergy.com
+6012 340 9438	+60 16-916 8598

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad ialah penyedia global penyelesaian infrastruktur tenaga dengan operasi merangkumi 11 negara. Teras perniagaan Kumpulan meliputi perkhidmatan saluran paip, kejuruteraan dan fabrikasi serta penyelesaian bioenergi, dalam menyokong pembangunan infrastruktur tenaga konvensional dan berkaitan peralihan tenaga di peringkat global.

Platform bersepadu Wasco menggabungkan kepakaran kejuruteraan, keupayaan fabrikasi serta penyelesaian infrastruktur khusus bagi menyokong pelaksanaan projek tenaga kompleks merentasi pelbagai peringkat rantaian nilai industri tenaga.

Untuk maklumat lanjut, layari www.wascoenergy.com.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*